

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | TH umum tarikh akhir aktifkan akaun | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 08 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | 33 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 159 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 946 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,838 |



TH umum tarikh akhir aktifkan akaun

KUALA LUMPUR: Lembaga Tabung Haji (TH) telah menetapkan 1 November 2019 sebagai tarikh akhir bagi pendeposit tidak aktif untuk mengaktifkan akaun masing-masing untuk mengelakkan risiko kehilangan manfaat sebagai pendeposit akaun aktif TH.

TH dalam satu kenyataan semalam berkata, ia telah mengenal pasti lebih 700,000 akaun pendeposit TH (sehingga akhir Ogos 2019) melibatkan jumlah simpanan sebanyak RM60.4 juta yang tidak melakukan sebarang transaksi melebihi tujuh tahun berturut-turut mulai 2012.

"Akaun-akaun yang masih tidak diaktifkan selepas 1 November 2019 akan dipindahkan ke dalam kumpulan akaun dormant (tidak aktif) dan akaun tersebut tidak lagi memperoleh manfaat sebagai pendeposit akaun aktif TH.

"Namun begitu, akaun yang dipindahkan ke akaun dormant tersebut masih lagi boleh dituntut dan dibayar kepada pendeposit TH menurut peruntukan seksyen 23 (2) Akta Tabung Haji 1995," kata TH.

Menurut TH, para pendeposit boleh mengaktifkan akaun ma-

sing-masing dengan melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi simpanan atau pengeluaran wang.

Ia boleh dilakukan di mana-mana cawangan TH, kaunter juruwang (uniteller), atau melakukan transaksi atas talian dengan mana-mana rakan strategik TH iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB di seluruh negara.

Pendeposit juga boleh menyemak status akaun mereka di saluran-saluran ini dengan hanya membawa kad pengenalan masing-masing.

"Setiap tahun, TH akan mengingatkan para pendeposit untuk memastikan status akaun sentiasa aktif, di samping mengemas kini data peribadi seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris bagi memudahkan TH menghubungi pendeposit atau waris mereka untuk urusan penghantaran surat tawaran haji dan pengurusan akaun," kata TH.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan akaun tidak aktif atau sebarang perkhidmatan TH, orang ramai boleh menghubungi talian khidmat pelanggan di nombor 03-6207 1919.

– BERNAMA